



PESERTA.... Tekun kelihatan tetamu dan peserta sedang tekun mendengar bicara Dr Rem.



TEKUN... sebahagian dari peserta yang hadir di majlis itu.

Bicara Orang Seni Ulas Dikotomi Sains dan Sastera



BICARA SENI... Dr Rem ketika menyampaikan bicaranya di majlis itu.

NST 13.4.2019 8

BICARA Orang Seni atau B.O.S kali ini membawa topik perbincangan yang lebih kondusif. Panel jemputan kali ini sedikit berbeza dari bicara lepas.

Pada bicara lepas, Creative Arts Team atau C.A.T membawa tokoh tari tempatan berkongsi ilmu dalam tarian mangunatip. Bicara kali ini, C.A.T membawa seorang pakar teknologi ke Bicara Orang Seni iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul atau nama panggilan beliau Dr Rem.

Beliau juga merupakan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah yang baru sahaja dilantik pada awal April ini.

Dr. Rem adalah ahli akademik yang pakar dalam bidang kimiatologi atau geografi fizikal. Beliau ibarat sebelah kaki di sains dan sebelah kaki lagi di sebelah sastera, kata moderator iaitu saudara Eko yang merupakan pensyarah di Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan, UMS.

Selain fokus pada bidang kajian teknologi, Dr. Rem tidak melepaskan peluang mengaktifkan diri dalam bidang penulisan sastera. Kegigihan beliau membuatkan beliau Penerima Hadiah Sastera Perdana melalui karya "Alien Mencari Cinta".

Sehingga hari ini, Dr. Rem masih aktif dalam bidang penulisan sastera.

"Multidisiplin bukanlah satu bebanan tapi ia

Sains dan Sastera sebagai Sendi Ilmu Kehidupan. Topik ini akan membawa gambaran berkenaan dengan persoalan-persoalan dalam konteks sains dan sastera.

Sains dan Sastera dilihat seperti air dan minyak yang mana berlainan sifat tidak dapat disatukan, ulas Eko. Merujuk pada ulasan moderator, Dr. Rem membantu audien untuk memahami erti sebenar sains dan sastera yang kebanyakannya tidak memahaminya secara intrinsik.

Masyarakat masih berorientasikan sains dan sastera itu mempunyai kelompok yang tersendiri dan tidak bersatu. Perkara ini dapat dilihat di sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi malah di industri sendiri. Ia merupakan satu naratif yang telah teramat bertahun-tahun di dekad ini.

Sebagai contohnya, seorang ahli perundangan ingin berucap tapi tidak memulakan ucapan dengan serangkap pantun ataupun puisi ringkas kerana menyatakan dirinya tidak hadir dari bidang sastera. Hal tersebut dijadikan sebagai alasan sedangkan dalam sebuah ucapan itu memerlukan retorik pengucapan untuk menarik minat audiens mendengar sesbuah ucapan. Masalah ini menyebabkan berlakunya dikotomi antara sains dan sastera.

Sejarah awal tamadun manusia membuktikan bahawa mereka lebih maju daripada masyarakat tempatan pada hari ini dengan tidak mencipta dikotomi antara mereka. Contoh terdekat yang dialami di Malaysia pada hari ini, pameran prototaip kereta masa hadapan dari

wakil Malaysia kelihatan tidak meyakinkan dengan reka bentuk yang tidak mempunyai ciri keselamatan yang sempurna.

Perkara tersebut turut menjadi bualan netizen di media sosial. Sudah terang lagi bersuluh impak pada dikotomi yang wujud pada hari ini. Sains dan sastera ini diibaratkan seperti sepasang kaki yang perlu berjalan seiring untuk menyempurnakan pelbagai aspek sebagai kepentingan bersama.

Sains itu melihat dari aspek logik manakala sastera itu pula melihat sesuatu perkara secara estetik. Maka penting untuk disatukan dua elemen penting ini dalam proses kehidupan untuk mencapai sebuah kemajuan. Polarisasi yang rigid akan hal ini harus dibenamkan jauh supaya ia tidak meracun generasi akan datang.

Dr. Rem turut memuji tindakan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik yang sedang berusaha memisahkan jurang tersebut. Andai usaha tersebut berjaya, barangkali 10 tahun akan datang tidak akan wujud lagi dikotomi ini kerana masing-masing tidak lagi melihat sains dan sastera dalam skop yang kecil demi kepentingan tersendiri. Namun rintangan yang perlu dilalui adalah pada tradisi ilmu yang masih terpenjara dalam perangkap sendiri.

Topik Sains dan Sastera sebagai Sendi Ilmu Citra Kehidupan sedikit sebanyak berjaya menjentik audien yang hadir akan kepentingan sains dan sastera dalam kehidupan. Noorazah Cha pelajar teater tahun 2 UMS menyatakan bahawa beliau mula merasa diri tersisih dari rakan-rakan lain yang berada di kelas aliran sains sewaktu dibangku persekolahan kerana pelajar kelas aliran sastera dianggap pelajar yang tercorot di sekolah. Florence Anak Lusin turut memperkatakan hal yang sama namun situasi itu berlaku di universiti.

Masalah ini haruslah diatasi bermula dari akar umbi lagi yang berpaksi pada sikap pelajar dan sikap ahli akademik terutamanya. Kerobohan dikotomi pasti akan membawa impak yang tinggi pada masyarakat suatu hari nanti. - OLEH SYAFIQ SALLEH (Tutor Seni Kreatif)



TETAMU... Dr Rem bersama tetamu yang dijemput di majlis itu.